

Hasut suku kaum tolak kemajuan Rakyat asing berniat jahat

BH 21 AUG 1987

KUCHING, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, warganegara asing tidak berhak datang ke negara ini untuk menghalang rakyat daripada terus mencapai kemajuan.

Menurut Perdana Menteri, muslihat warganegara asing yang menghasut rakyat negara ini supaya menentang kemajuan ialah kerana mereka mahukan Malaysia menjadi negara ketinggalan zaman.

"Mereka memberi nasihat dan mempengaruhi rakyat kita supaya jangan maju bagi membolehkan ahli-ahli antropologi Eropah membuat penyelidikan mengenai kehidupan primitif.

"Kerana mereka mahu membuat penyelidikan mengapakah kita harus terus gatal digigit nyamuk, sakit dan ketinggalan zaman. Saya yakin penduduk negeri ini tidak mudah terpengaruh dengan cara mereka," katanya merasmikan perayaan Hari Peladang dan Nelayan Kebangsaan di sini hari ini.

Oleh MANJA ISMAIL

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan mahu membawa kemajuan dan semua rakyat berhak menerimanya sama ada mereka suku kaum Punan, Melanu, Cina, India, Bajau atau Kadazan.

Itulah sebabnya kerajaan menganjurkan pelbagai kaedah baru di bidang pertanian dan perikanan supaya rakyat negara ini dapat bersaing dengan negara maju. Bila negara maju, tidak ada siapa pun boleh mengganggu, katanya.

Perdana Menteri sedar ada golongan dari luar negeri yang datang ke negara ini menghasut pribumi supaya jangan menyertai pembangunan dan mahu suku kaum Punan menjadi tontonan seperti di zoo.

Mengenai pertanian, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat masih berminat memiliki tanah daripada mendapat hasil maksimum daripada tanah mereka.

"Kerana itu, usaha kerajaan mencantumkan tanah-tanah supaya menjadi kawasan yang luas bagi pertanian moden menghadapi masalah. Kadangkala disebabkan

kan satu dua orang yang membantah, usaha itu gagal.

"Kalau kita dapat membendung sedikit daripada kecintaan terhadap tanah, negara ini akan lebih maju dan produktif di segi pertanian. Ubahkan sikap kita daripada semata-mata menyintai tanah kepada cinta terhadap hasil," katanya.

Beliau berkata selagi rakyat yang kebanyakannya memiliki tanah sekanggang kera dan mengamalkan corak pertanian tradisi, enggan mengubah sikap, selagi itulah hasil maksimum daripada tanah tidak mampu diperolehi.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berharap sebelum beliau mati, ada nelayan negara ini yang menggunakan kapal untuk menangkap ikan sehingga ke Lautan Atlantik.

"Seperti petani, nelayan juga tidak boleh mengelakkan diri daripada perubahan. Apabila penduduk negara mencapai 70 juta orang nanti, ikan di perairan pantai tidak mampu menampung jumlah itu."

"Oleh itu, kita terpaksa menangkap ikan di laut dalam. Jika ini tidak mampu dilakukan, nelayan negara ini terus ketinggalan oleh rakan-rakan mereka di negara lain," katanya.